



PERHATIAN KEPADA SEMUA PELAJAR SARJANA MUDA

SESI PERKULIAHAN SEMESTER I, SESI AKADEMIK 2020/2021

Dimaklumkan bahawa sesi **PERKULIAHAN** bagi Semester I, Sesi Akademik 2020/2021 akan bermula pada **19 Oktober 2020 (Isnin)**.

Pendaftaran Semester bagi pelajar senior adalah bermula pada 15 hingga 18 Oktober 2020 melalui portal iStudent.

Pelajar yang gagal mendaftar selepas tarikh tersebut perlu mendaftar di pejabat fakulti dalam tempoh dua (2) minggu pertama perkuliahan dengan syarat menjelaskan denda lewat mendaftar berjumlah RM25.00 serta RM25.00 bagi setiap kursus yang didaftarkan (sekiranya tidak membuat pra-pendaftaran).

Proses tambah/gugur kursus boleh dibuat selepas mendaftar semester dan akan tamat sehingga tarikh berikut:

Tambah kursus : sehingga 1 November 2020 (minggu ke-2)
Gugur kursus : sehingga 15 November 2020 (minggu ke-4)

Bagi pelajar baharu, pelajar hanya dibenarkan untuk menambah kursus ko-kurikulum sahaja berdasarkan kekosongan. Pelajar tidak dibenarkan untuk menggugurkan kursus yang telah didaftarkan. Sekiranya ingin membuat penukaran kelas atau menggugurkan kursus yang telah didaftarkan, sila berurusan di pejabat Fakulti yang menawarkan kursus tersebut.

Pelajar diminta menghubungi Fakulti masing-masing atau Unit Pendaftaran Kursus dan Penjadualan, Bahagian Pengurusan Akademik sekiranya terdapat permasalahan berkaitan pendaftaran sebelum sesi perkuliahan bermula.

Pelajar yang perlu kembali ke kampus adalah dinasihatkan untuk mematuhi sepenuhnya SOP yang telah ditetapkan serta mengutamakan langkah-langkah keselamatan dan pencegahan seperti kerap mencuci tangan, memakai pelitup separuh muka dan mengekalkan jarak fizikal sepanjang sesi perkuliahan berlangsung.

Sekian dimaklumkan.

“BERILMU, BERDISIPLIN DAN BERTAKWA”

Bahagian Pengurusan Akademik
Universiti Sains Islam Malaysia